



Anwar menandatangani plak ketika melawat Pusat Penjaja MADANI di Jalan Tunku Abdul Rahman, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

# RUU Keselamatan Siber akan digubal

NACSA, MKN diberi kuasa kawal selia, kuat kuasa undang-undang

Oleh Johari Ibrahim dan Suzalina Halid  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan menggubal Rang Undang-Undang Keselamatan Siber dalam usaha mengukuhkan ekosistem keselamatan siber di negara ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, usaha itu bukan saja mencakupi soal keselamatan siber dalam negara, tetapi juga di peringkat global kerana alam siber dan komunikasi digital meresapi pelbagai aspek dalam kehidupan.

"Saya menegaskan bahawa tiada kompromi terhadap keselamatan negara termasuk di dalam domain digital dan ekosistem siber.

"Sehubungan itu, Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA, Majlis Keselamatan Negara, (MKN) dipertanggungjawabkan sebagai agensi tonggak, untuk mengemblem usaha dan iktidar merentas pelbagai entiti kerajaan serta pihak industri di dalam hal ini," katanya menerusi kenyataan media semalam.

Perdana Menteri berkata, entiti dalam ekosistem siber akan terus mengekalkan kuasa yang membolehkan mereka melaksanakan fungsi masing-masing.

Bagaimanapun, pada masa sama, fungsi tugas beberapa entiti teras berkaitan keselamatan siber akan diselaraskan bagi mengelakkan pertindihan selain memaksimumkan kecekapan.

"RUU Keselamatan Siber akan memberi NACSA, MKN kuasa undang-undang yang jelas untuk mengawal selia dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan keselamatan siber," katanya.

Anwar berkata, langkah itu juga akan menambah baik keberkesanan fungsi NACSA, MKN sejajar dengan hasrat yang termaktub dalam Arahan MKN No 26 Pengurusan Keselamatan Siber Negara dan Strategi Keselamatan Siber Malaysia (MCSS).

"Malaysia harus menelusuri cabaran era digital yang menuntut kesiapsiagaan terbaik seluruh jentera kerajaan dalam menangani ancaman keselamatan siber," katanya.

Sementara itu ketika bertemu media selepas melawat dalam Pusat Penjaja MADANI, di Jalan Tunku Abdul Rahman, di sini, semalam, Perdana Menteri berkata, beliau mahu melihat me-

kanisme subsidi bersasar termasuk diesel dan petrol RON95, dilakukan secepat mungkin walaupun mengakui pelaksanaannya bukan sesuatu yang mudah.

Mengulas lanjut, katanya, kerajaan sedang berusaha ke arah itu dengan meneliti beberapa cadangan bagi memastikan pelaksanaan subsidi bersasar terbabit bersifat efektif.

"Pelaksanaan tidak mudah, kita berusaha ke arah itu melalui pasukan yang kini sedang meneliti beberapa proposal (cadangan) kalau siap esoklah (untuk pelaksanaan), tetapi kita masih berusaha.

"Ia sangat rumit, kalau elektrik okay sebab kita boleh kenal pasti rumah atau kilang, tetapi diesel berbeza dan perkara ini kita perlu kaji," katanya.

Pada masa sama, Anwar mengulangi pendiriannya bahawa hanya golongan 90 peratus individu yang layak mendapat subsidi perlu diberi perhatian berbanding mereka yang kaya.